

11 JUN 1996

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA RATU ELIZABETH

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutus ucapan tahniah kepada Ratu Elizabeth 11 sempena ulang tahun keputeraan baginda hari ini.

Seri Paduka berdua berharap Ratu Elizabeth akan terus sihat dan menikmati kebahagiaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Britain John Major berkata beliau yakin negara itu akan terus mencapai kejayaan di bawah kerajaan Ratu Elizabeth.

"Saya sukacita melihat hubungan baik antara Malaysia dan Britain dan kerajaan kedua-dua negara sentiasa bekerjasama dalam pelbagai isu berkepentingan bersama.

"Saya yakin skop masih luas untuk meningkatkan kerjasama dalam perdagangan dan ekonomi yang akan menguntungkan kedua-dua negara dan rakyat," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Malcolm Rifkind berkata beliau sentiasa bersedia mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AFY AHH